

Pensyarah IUG lawat IPT Malaysia

15/11/2013 (Universiti Kebangsaan Malaysia 15/11/2013)



Prof Daing dan Dr Wesam (kanan).

Gambang: Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima kunjungan pensyarah Universiti Islam Gaza (IUG), Prof Madya Dr Wesam Al Madhoun yang dalam rangka lawatan jelajah institusi pengajian tinggi (IPT) ke negara ini, baru-baru ini.

Kunjungan Dr Wesam disambut Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim serta Penga-

rah Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam, Dr Wan Mohd Faizal Wan Ishak.

Dr Wesam yang fasih berbahasa Melayu berkongsi perkembangan semasa di Palestin serta mempromosikan seminar antarabangsa, 5th International Conference for Science and Development anjuran IUG, November ini.

Beliau turut berkongsi

kesukaran IUG termasuk pensyarah yang tidak dapat melanjutkan pengajian peringkat lebih tinggi kerana kekangan peruntukan.

Prof Daing Nasir berkata, UMP sentiasa menyokong usaha membantu rakyat Palestin termasuk menawarkan biasiswa kepada kakitangan IUG yang layak dan berminat melanjutkan pengajian peringkat pasca-siswazah di UMP.

Bagaimanapun, katanya, permohonan perlu dikedukakan menerusi Institut Pengajian Siswazah.

Kerjasama dua hala

Sementara itu, Dr Wan Mohd Faizal berkata, pertemuan dengan ahli akademik antarabangsa itu turut dimanfaatkan untuk membincangkan hubungan kerjasama dua hala antara UMP dengan IUG.

"Beberapa bidang penyelidikan bersama-sama kini dikenal pasti termasuk penganjuran bersama-sama seminar yang dijangka akan diadakan tahun depan.

"Program seumpama ini pernah dilaksanakan dengan Universiti Tuzla, Bosnia pada tahun lalu dalam menjayakan persidangan International Conference on Green Technology & Ecosystems for Global Sustainable Development,"katanya.